


Masyarakat ambil jalan mudah

Malas belajar, bertanya jika ragu



●●
Konsep pengajian agama Islam adalah mengutamakan aspek berguru dengan guru bertauliah. Kerana, tanpa guru, seseorang itu mudah salah faham tentang apa yang dibacanya.”

ILMU agama perlu didalami daripada segenap aspek supaya tidak tergelincir daripada landasan sebenar.
- GAMBAR HIASAN

“Konsep pengajian agama Islam adalah mengutamakan aspek berguru dengan guru bertauliah. Kerana, tanpa guru, seseorang itu mudah salah faham tentang apa yang dibacanya.”
“Salah faham sedemikian akan menyebabkan seseorang itu mengamalkan ibadat yang amat bertentangan dengan apa yang digariskan dalam Islam,” katanya.
Tambah Fariza, tindakan itu juga boleh menyebabkan seseorang Muslim itu hidup dalam ketakutan, sama ada disebabkan dosa yang telah dilakukannya sebelum ini atau gambaran peristiwa akhir zaman.
“Sedangkan apa yang ditekankan oleh Islam amat berbeza. Contohnya, gambaran kejadian akhir zaman diberitahu supaya kita semua bersedia dan tahu apa yang perlu dilakukan jika ia berlaku.
“Islam bukan suruh kita jadi jumud atau takut. Tetapi suruh buat amalan yang mampu kita lakukan bagi menghadapi tanda atau peristiwa akhir zaman,” katanya.

TIPS MENGENAL HADIS

- Bilasakan diri dengan hadis-hadis sahih. Apabila kita menguasai hadis sahih, kita akan merasa ganjil apabila membaca sepotong hadis palsu.
- Bersikap kritis apabila membaca atau mendengar sebuah hadis. Pastikan hadis tersebut berasal daripada kitab-kitab hadis yang muktabar.
- Seringlah bertanya kepada tokoh-tokoh pengkhususan ilmu hadis untuk memastikan kesahihan sebuah hadis yang kita baca ataupun dengar. Sebab tidak semua tokoh yang berbicara tentang agama menguasai ilmu hadis.
- Miliki dan rujuk buku-buku koleksi hadis yang dikitaraf dalam kalangan ahli hadis seperti Sahih Bukhari, Sahih Muslim, Riyadus Salihin dan sebagainya. Jadikan ia bacaan seharian bersama keluarga.

Oleh HASHNAN ABDULLAH
aqama@utusan.com



diragui atau dipertikaikan. Malah, beliau menasabah, terdapat juga dalam kalangan masyarakat umum yang takut atau bimbang untuk rasa ragu atau buat kajian terhadap hadis Rasulullah SAW yang disampaikan kepada mereka.

HAKIKATNYA masyarakat umum tidak berani mempertikai atau menolak mana-mana hadis Rasulullah SAW. Tambah pula jika yang membacanya terdiri dalam kalangan pendakwah atau ulama yang umum menganggapnya sebagai berkhaliber dan berilmu. Jika ada pendengar yang curiga dan mengetahui mengenai kesilapan hadis yang disebut itu, biasanya mereka tidak berani untuk bersuara kerana terasa diri kerdil berbanding dengan pendakwah yang mempunyai nama itu.



DR. FARIZA MD SHAM

“Sikap sedemikian sebenarnya boleh mencetus perpecahan dalam kalangan umat Islam di peringkat akar umbi. Ini bukan sekadar boleh mendorong kewujudan ajaran sesat tetapi juga dalam soal melaksanakan perintah ibadat fardu dan sunat,” katanya ketika ditemui di pejabatnya di Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), baru-baru ini.
Dalam pada itu, bagi Fariza, apa yang lebih membimbangkan ialah sikap malas masyarakat akar umbi mempelajari ilmu agama, mereka lebih gemar mengambil jalan mudah dengan hanya bersandarkan kepada internet atau buku-buku agama yang berlandaskan pasaran.

DALAM mencari ilmu agama masyarakat tidak seharusnya bergantung kepada kuliah atau ceramah agama sahaja, tetapi juga melalui pembacaan.
- GAMBAR HIASAN

